

**TEKS UCAPAN ALUAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

MAJLIS PERASMIAN MINGGU HALUAN SISWA

**30 Ogos 2016, 3.30 petang
Dewan Besar UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

SALUTASI

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. (Dr.) Hj. Idris bin Hj. Haron

Ketua Menteri Melaka merangkap

Menteri Mentor UTeM

Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md. Yunos Bin Husin

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau
Dan Inovasi Negeri Melaka

Y.Bhg. Profesor. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang

Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

Rakan Media

Jawatankuasa Pelaksana MHS, para fasilitator MHS

Mahasiswa dan mahasiswi baharu Universiti Teknikal Malaysia Melaka
seterusnya hadirin yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salah Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya kita diberi kesempatan untuk berhimpun bersama mahasiswa dan mahasiswi baharu UTeM sempena Majlis Perasmian Minggu Haluan Siswa Sesi 2016/2017 Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada petang ini.

2. Saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan serta merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada **YAB Datuk Seri Ir. (Dr.) Haji Idris bin Hj Haron, Ketua Menteri Melaka yang juga merupakan Menteri Mentor UTeM** di atas kesudian untuk merasmikan Minggu Haluan Siswa pada petang yang barakah ini. Sesungguhnya, kehadiran Yang Amat Berhormat Datuk Seri amat dialu-alukan oleh seluruh warga universiti dan dapat menyemarakkan lagi semangat mahasiswa dan mahasiswi baharu UTeM, sejajar dengan semangat kemerdekaan negara tercinta yang bakal di sambut esok.

3. Tidak ketinggalan juga, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada **2,483** mahasiswa dan mahasiswi baharu yang telah berjaya menjadi sebahagian daripada keluarga UTeM. Daripada jumlah ini seramai **1,949** pelajar telah berjaya mendapat tempat untuk meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda manakala **534** pula di peringkat Diploma. Bidang kejuruteraan masih mencatatkan kemasukan pelajar tertinggi iaitu seramai **1,054** pelajar, diikuti bidang teknologi kejuruteraan seramai **643** pelajar, manakala bidang teknologi maklumat pula seramai **447** pelajar, dan **339** pelajar dalam bidang pengurusan teknologi. Ini telah menjadikan enrolmen semasa pelajar pra siswazah di UTeM adalah seramai **10,997 orang**.

4. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada saudara dan saudari sekalian yang kini sudah melangkah ke satu alam baharu, alam Menara Gading yang bakal menjanjikan pelbagai cabaran dan keseronokan dalam usaha mendaki puncak kejayaan. Saya percaya, adalah menjadi impian dan harapan semua orang untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi namun bukan semua orang mampu meraihnya. Anak-anak pelajar di hadapan saya ini adalah antara yang terpilih, sedangkan puluhan ribu lagi bersedih kerana tidak dapat merasai kehidupan di kampus. Oleh itu, hargailah peluang yang diberikan ini dengan belajar bersungguh-sungguh.

YAB Datuk Seri, Mahasiswa dan Mahasiswi yang dikasihi sekalian,

5. Sebentar sahaja lagi, mahasiswa dan mahasiswi baharu yang berada di dapan kita pada hari ini akan melafazkan ikrar mereka dan dengan itu rasmilah mereka semua menjadi pelajar UTeM. Ikrar yang bakal mereka lafazkan itu mempunyai makna dan pengertian yang amat besar. Para pelajar baharu sekalian mestilah bersedia dengan rela untuk menerima budaya dan iklim pembelajaran di universiti ini serta menjunjung tinggi Perlembagaan dan nilai-nilai teras UTeM.
6. UTeM telah menetapkan lima (5) Nilai-Nilai Teras iaitu Tekat Cipta Perubahan (passionate to make a difference), Cekal (resilience), Kesetiaan (loyalty), Integriti dan Profesionalisme. Kelima-lima nilai teras ini perlu dipahat dalam diri saudara dan saudari dan seluruh warga UTeM dan dijadikan kayu ukur untuk anda memuhasabah diri dan

mencari jalan untuk memperbaiki diri supaya menjadi insan yang lebih baik pada hari ini, hari esok dan hari-hari mendatang.

7. Sebagai makluman YAB Datuk Seri, saudara dan saudari sekalian, kos sebenar bagi empat tahun pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda adalah sebanyak RM 50,372.00. Namun, para pelajar hanya perlu menanggung kos sebanyak RM 12,192.00 sahaja dan selebihnya RM 38,220.00 pula disubsidi oleh pihak Kerajaan. Justeru, saya menyeru kepada saudara dan saudari sekalian untuk menghargai setiap ringgit yang telah diperuntukkan oleh pihak Kerajaan bagi menampung kos pengajian anda di universiti ini. Berikanlah sepenuh tumpuan kepada pembelajaran di UTeM. Hal-hal melibatkan kehadiran ke kuliah, tutorial dan sentiasa mengunjungi pustaka ilmu yang ada merupakan budaya

kecemerlangan yang seharusnya menjadi ikutan. Amalan-amalan negatif seperti malas, suka bertangguh, ponteng kelas dan sebagainya seharusnya disingkirkan dari awal, sebelum ianya melarat dan memudaratkan pengajian saudara-saudari. Ingatlah kepada ibu bapa yang tidak pernah henti mendoakan kejayaan saudara dan saudari.

YAB Datuk Seri, Mahasiswa dan Mahasiswi yang dikasihi sekalian,

8. Sebelum mengundur diri, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada YAB Datuk Seri Ir. (Dr.) Haji Idris bin Hj Haron, Ketua Menteri Melaka yang juga merupakan Menteri Mentor UTeM kerana sudi hadir untuk bersama-sama kita pada petang ini. Semoga kemesraan ini akan mengukuhkan lagi hubungan erat yang telah sedia terjalin antara UTeM dan pihak kerajaan Negeri Melaka.

9. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana MHS, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTeM, Fasilitator, di atas usaha dan komitmen tinggi yang diberikan sepanjang majlis ini berlangsung.

Anak sembilang di tapak tangan,
Tertusuk duri bisanya terasa,
Jika kejayaan menjadi harapan,
Jangan sesekali berputus asa.

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik wal hidayah wasalamualikum wbt.